

ANUGERAH PENA EMAS 2023

Sayembara Cerpen dan Puisi Kebangsaan

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

Dengan penyerahan borang pendaftaran, peserta bersetuju untuk mematuhi dan terikat dengan Syarat-syarat berikut:

1. KELAYAKAN

- 1.1 Sayembara ini terbuka kepada warganegara dan penduduk tetap Singapura. Tiada had umur yang ditetapkan.
- 1.2 Sayembara ini dibuka hanya kepada individu yang belum menerbitkan karya solo dalam genre tertentu yang mereka sertai, iaitu cerpen, sajak dan terjemahan. "Karya Solo" merujuk kepada hasil karya yang ditulis sepenuhnya oleh peserta itu sendiri dan diterbitkan, dijual atau diedarkan secara komersial oleh syarikat penerbitan Singapura atau antarabangsa. Penulis yang pernah menerbitkan karya dalam bentuk jurnal atau antologi (sama ada secara dalam talian atau bercetak) tidak akan dianggap sebagai telah menerbitkan Karya Solo dan masih layak untuk mengambil bahagian dalam sayembara ini.
- 1.3 Pemenang hadiah pertama dalam Anugerah Pena Emas ("GPA") yang lalu tidak layak menyertai kategori yang telah mereka juarai.
- 1.4 Kumpulan pekerja Arts House Limited ("AHL"), Majlis Seni Kebangsaan ("NAC") dan Majlis Buku Singapura ("SBC") tidak layak untuk menyertai sayembara ini.
- 1.5 Penyertaan berganda daripada peserta yang sama dibenarkan dengan syarat setiap penyerahan mematuhi semua peraturan yang dinyatakan di bawah, khususnya bahawa karya-karya itu mesti asli dan belum pernah diterbitkan.
- 1.6 Penyertaan dalam kategori cerpen dan puisi boleh diserahkan dalam bahasa Inggeris, Cina, Melayu, atau Tamil.
- 1.7 Penyertaan dalam kategori Terjemahan: Cerpen (Bahasa Inggeris) perlu diserahkan hanya dalam bahasa Inggeris, diterjemahkan daripada bahasa Cina, Melayu, atau Tamil sahaja. Teks sumber¹ yang digunakan untuk penyertaan dalam kategori Terjemahan: Cerpen (Bahasa Inggeris) mesti merupakan karya penulis Singapura dan telah diterbitkan atau diswaterbit.
- 1.8 Penyertaan haruslah asli dan belum pernah diterbitkan (sama ada secara dalam talian atau bercetak), diterima untuk penerbitan, atau disebarkan melalui media awam (contohnya Internet, radio, surat khabar atau jurnal). Ini termasuk karya yang telah diterbitkan dalam mana-mana jurnal atau antologi (sama ada secara dalam talian atau bercetak).
- 1.9 Karya-karya yang telah memenangi hadiah dalam sayembara tempatan atau luar negara tidak akan diterima. Penyertaan karya-karya yang telah diserahkan dan didapati telah memenangi hadiah dalam sayembara tempatan atau luar negara akan dibatalkan.

¹ Teks sumber merujuk kepada teks asal yang ditulis oleh seorang warga Singapura atau Penduduk Tetap dalam mana-mana tiga bahasa berikut iaitu Cina, Melayu, atau Tamil, yang akan diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris.

- 1.10 Karya yang disertakan dalam sayembara ini tidak boleh disertakan pada masa yang sama dalam pertandingan, penerbitan atau penyiaran lain sehingga keputusan sayembara ini diumumkan.
- 1.11 Karya-karya yang dikarang bersama tidak akan diterima.
- 1.12 Penyertaan akan dibatalkan sekiranya peserta memberi maklumat yang tidak tepat atau mengelirukan dengan sengaja.

2. KEASLIAN

- 2.1 Peserta bertanggungjawab untuk memastikan semua penyertaan karya yang dihantar adalah Asli. "Asli" merujuk kepada karya kreatif baharu yang diilhamkan sepenuhnya oleh penulis (dalam kes ini, peserta) tanpa sumbangan atau pengaruh yang signifikan daripada pihak ketiga.
- 2.2 Sebarang penyertaan yang didapati bukan asli (yakni diplagiat atau ditulis oleh individu lain selain daripada peserta) atau melanggar mana-mana syarat GPA akan dibatalkan. Para peserta bersetuju untuk menanggung rugi dan tidak memudaratkan AHL dan SBC daripada dan terhadap semua tuntutan, permintaan, kerugian, kerosakan, penalti, perbelanjaan dan liabiliti dalam apa jua bentuk secara langsung atau tidak langsung, yang timbul daripada penyerahan karya-karya mereka, atau daripada sebarang pelanggaran kewajipan, kecuiaan atau salah laku yang disengajakan di pihak mereka.

3. KATEGORI

- 3.1 Sayembara ini dibahagikan kepada kategori-kategori berikut:
 - (i) Dalam setiap bahasa daripada empat bahasa — Inggeris, Cina, Melayu dan Tamil:
 - a. Cerpen
 - b. Puisi
 - (ii) Dalam bahasa Inggeris sahaja, diterjemahkan daripada teks sumber sama ada dalam bahasa Cina, Melayu atau Tamil:
 - a. Terjemahan: Cerpen (Bahasa Inggeris)
- 3.2 Peserta boleh menulis mengenai sebarang subjek atau tema.

4. PANDUAN PENYERTAAN

- 4.1 Peserta boleh, bergantung pada kategori penyerahan masing-masing, menghantar sama ada cerpen, kumpulan puisi, atau karya terjemahan.
- 4.2 Panjang Karya bagi setiap kategori adalah seperti berikut:

Kategori Genre	Panjang Karya*
Cerpen	Setiap penyertaan mesti mengandungi hanya satu cerpen yang tidak melebihi 5,000 patah perkataan (tiada jumlah minimum).
Terjemahan:	

Cerpen (Bahasa Inggeris)	
Puisi	Setiap penyertaan mesti mengandungi 5 buah puisi. Tiada had jumlah perkataan dikenakan.

**Judul dan tanda baca tidak termasuk dalam perkiraan jumlah perkataan. Penyertaan karya yang melebihi had jumlah perkataan akan dibatalkan.*

4.3 Semua manuskrip yang disertakan dalam sayembara ini perlu mengikut format berikut:

Format Penyertaan	
a.	Manuskrip dalam bahasa Inggeris, Melayu, Cina dan Tamil mesti ditaip dan sebaik-baiknya mempunyai langkau dua baris, dengan jidar berukuran satu inci. <ul style="list-style-type: none"> i. Manuskrip dalam bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu sebaik-baiknya hendaklah ditaip dalam fon Arial, saiz 14 poin. ii. Manuskrip dalam bahasa Cina sebaik-baiknya hendaklah dihantar dalam fon Sim Sun, saiz 14 poin. iii. Manuskrip dalam bahasa Tamil mestilah ditaip menggunakan dalam fon Unicode Font, sebaik-baiknya Latha, saiz 12 poin.
b.	Tiada nama, alamat atau tanda-tanda pengenalan selain daripada judul harus dinyatakan dalam manuskrip.
c.	Bagi kategori Terjemahan: Cerpen (Bahasa Inggeris), tajuk cerpen dan buku (dalam bahasa Cina, Melayu atau Tamil) dan ISBN hendaklah disertakan jika berkenaan.
d.	Jumlah perkataan bagi manuskrip cerpen perlu dinyatakan di akhir manuskrip.
e.	Setiap muka surat manuskrip mestilah bernombor. Penyertaan manuskrip yang tidak lengkap kesemua muka suratnya akan dibatalkan.

4.4 Bagi kategori Terjemahan: Cerpen (Bahasa Inggeris), peserta mesti mendapat kebenaran bertulis daripada pemegang hak cipta dan/atau penerbit untuk penggunaan teks sumber untuk sayembara GPA. Peserta hendaklah mengemukakan kebenaran bertulis apabila diminta oleh AHL atau SBC.

5. PROSEDUR PENYERTAAN

5.1 Setiap yuran penyertaan hendaklah dibayar semasa penyerahan melalui portal penyerahan dalam talian rasmi. GPA hanya menerima penyerahan digital melalui portal dalam talian rasmi. Tiada penyerahan dan/atau pertanyaan secara bersemuka dibenarkan.

5.2 Sebelum memulakan penyertaan dalam talian ini, peserta dikehendaki menyediakan perkara-perkara berikut:

- i. Biografi peserta sebanyak 100 perkataan yang ditulis dalam bahasa Inggeris
- ii. Penerangan sebanyak 50 perkataan tentang manuskrip anda
- iii. Satu salinan manuskrip dalam format PDF (saiz maksimum fail: 5 MB)

- iv. Aplikasi e-perbankan/pembayaran untuk pembayaran melalui PayPal atau kad kredit

Jika anda menyerahkan penyertaan dalam kategori Terjemahan: Cerpen (Bahasa Inggeris), sila pastikan bahawa anda telah menyediakan perkara tambahan berikut:

- v. Biografi pengarang teks sumber sebanyak 50 perkataan
- 5.3 Peserta yang menghadapi sebarang kesulitan ketika melakukan penyertaan di portal rasmi ini boleh menghubungi pihak penganjur melalui e-mel atau talian yang tertera di poin 10.3.
 - 5.4 Yuran penyertaan sebanyak \$16 perlu diberi bersama setiap penyertaan. Yuran pendaftaran tidak akan dikembalikan dan tidak boleh dipindah milik.
 - 5.5 Yuran penyerahan penyertaan boleh dibayar semasa penyerahan sama ada melalui PayPal atau kad kredit.
 - 5.6 Penyertaan berganda daripada pengarang yang sama, dalam kategori yang sama atau berbeza, akan dianggap sebagai penyertaan yang berasingan dan setiap penyertaan akan dikenakan yuran pendaftaran.
 - 5.7 Perubahan, penarikan diri atau pemindahan penyertaan selepas pembayaran tidak dibenarkan.
 - 5.8 Penyertaan yang lewat, tidak dapat dibaca atau tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan dan rayuan mengenai penyertaan yang ditolak tidak akan diterima.
 - 5.9 Penyertaan yang tidak memenuhi syarat-syarat yang tertera di poin 4 dan 5 boleh dibatalkan.

6. PENILAIAN

- 6.1 Satu panel yang terdiri daripada dua orang pengadil dari Singapura dan seorang lagi pengadil antarabangsa akan mengadili setiap kategori genre dan bahasa.
- 6.2 Butiran peribadi semua peserta akan kekal sulit dan hanya akan diketahui oleh AHL dan SBC semasa pertandingan. Walau bagaimanapun, nama-nama dan butiran peserta boleh dimaklumkan kepada para penilai selepas pertandingan berakhir.
- 6.3 Panel pengadil mempunyai hak untuk memberikan hadiah, atau tidak memberikan sebarang hadiah, sebagaimana yang layak.
- 6.4 Keputusan panel pengadil adalah muktamad dan tiada perbincangan atau surat-menyurat akan diterima.

7. ANUGERAH

- 7.1 Hadiah-hadiah berikut akan diberikan bagi setiap bahasa (Inggeris, Cina, Melayu dan Tamil) dalam kedua-dua kategori Cerpen dan Puisi, dan bahasa Inggeris hanya untuk kategori Terjemahan: Cerpen.

Hadiah pertama: Wang tunai \$6,000, sijil, piala dan program bimbingan

Hadiah kedua: Wang tunai \$4,000, sijil dan program bimbingan

Hadiah ketiga: Wang tunai \$2,000, sijil dan program bimbingan

- 7.2 Sehingga tiga 'Hadiah Penghargaan' (hadiah wang tunai bernilai \$500) boleh diberikan bagi setiap genre dalam setiap kategori bahasa.
- 7.3 Sekiranya ada kedudukan seri, wang tunai bagi hadiah yang berkenaan dan hadiah yang berikutnya dalam urutan pemenang akan dibahagikan sama rata. Jika terdapat kedudukan seri bagi Hadiah ketiga, kedua-dua pemenang akan menerima hadiah seperti yang telah diumumkan.
- 7.4 Sekiranya tiada hadiah yang disebutkan di atas layak dianugerahkan, maka Hadiah Merit bernilai \$500 boleh diberikan.

8. KEPUTUSAN DAN MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH BAGI PARA PEMENANG

- 8.1 Majlis penyampaian Anugerah akan diadakan pada Disember 2023.
- 8.2 Semua pemenang hadiah dikehendaki menghadiri majlis penyampaian anugerah. Butiran akan dimaklumkan kepada para pemenang sebelum tarikh majlis tersebut.
- 8.3 Pemenang yang gagal menghadiri majlis penyampaian Anugerah akan dianggap telah melepaskan hadiah mereka, melainkan jika keizinan awal telah diberikan daripada AHL atau SBC berkaitan ketidakhadiran ini atau seorang wakil telah dilantik untuk menghadiri majlis tersebut bagi pihak pemenang.
- 8.4 Senarai pemenang hadiah akan dipaparkan di laman web AHL dan SBC selepas penyampaian Anugerah.
- 8.5 Sekiranya terdapat sebarang pertikaian, keputusan AHL, atau panel pengadil yang bertindak bagi pihak AHL, adalah muktamad dan sebarang perbincangan atau surat-menyurat tidak akan dipertimbangkan.

9. HAK MILIK INTELEKTUAL

- 9.1 Semua hak cipta karya, termasuk hak untuk penerbitan Pertama, akan dipegang oleh penulis, kecuali dinyatakan sebaliknya. "Penerbitan Pertama" merujuk kepada penerbitan dan penjualan salinan pertama atau edisi (seperti yang ditentukan oleh AHL) apa-apa buku, terbitan berkala atau penerbitan dalam bentuk elektronik atau bercetak.
- 9.2 Dalam apa jua keadaan, berhubung dengan Penerbitan Pertama mana-mana karya yang menang, AHL berhak atas hak penolakan penerbitan pertama. Pemenang mesti memberitahu AHL segera sekiranya tawaran daripada mana-mana pihak berkaitan dengan (a) penerbitan atau (b) pengeluaran semula sama ada dalam media cetak atau sebaliknya. Jika AHL memilih untuk mengambil hak Penerbitan Pertama, AHL hendaklah kemudiannya berhak untuk melakukan suatu perjanjian penerbitan dengan mana-mana penerbit yang berwibawa untuk menerbitkan karya yang menang.
- 9.3 Walau apapun, AHL akan, jika memilih sedemikian, berhak untuk mengarkib dan mengumumkan petikan karya-karya yang menang di laman rasmi mereka (www.artshouselimited.sg/gpa), tanpa bayaran.
- 9.4 Pada bila-bila masa apabila diterbitkan, para pemenang mesti mengiktiraf AHL dan GPA dengan pernyataan, "[tajuk puisi/cerita] oleh penulis] merupakan pemenang hadiah pertama/kedua/ketiga Anugerah Pena Emas 2023 anjuran Arts House Limited dengan

kerjasama Majlis Buku Singapura" dalam setiap naskhah penerbitan tersebut. Pengiktirafan ini akan tertera di halaman notis hak cipta penerbitan, di samping nombor ISBN dan penghargaan lain.

- 9.5 Pemenang hadiah dalam semua kategori dikehendaki, jika diundang oleh AHL atau SBC, untuk membaca karya mereka yang memenangi hadiah dalam khalayak ramai, di televisyen, di radio, dan/atau untuk menghadiri temu duga yang berkaitan dengan sayembara GPA, tanpa sebarang bayaran tambahan.
- 9.6 AHL dan SBC berhak untuk merakam semua atau sebahagian daripada aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan sayembara GPA untuk tujuan siaran dan promosi tanpa sebarang bayaran kepada para peserta. AHL dan SBC mengekalkan semua hak ke atas mana-mana bahan yang dirakam itu.

10. UMUM

- 10.1 AHL berhak meminda syarat dan peraturan sayembara ini.
- 10.2 Sekiranya berlaku sebarang pertikaian, syarat-syarat ini akan ditadbirkan oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Singapura.

TARIKH PENTING DALAM 2023

Tarikh	Acara
25 April 2023	Penyertaan melalui portal rasmi dibuka
23 Jun 2023, 6 petang (SGT)	Penyertaan melalui portal rasmi ditutup
Disember 2023	Majlis penyampaian anugerah untuk para pemenang

- 10.3 Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi

E-mel: gpa@bookcouncil.sg

Tel: 6342 5119

Waktu Pejabat: 10.00 pagi – 6.00 petang (Isnin – Jumaat, kecuali Cuti Umum)